

## **BAB 3**

### **METHODOLOGI**

#### **3.1 Pendahuluan**

Dalam bab ini, perkara-perkara yang akan disentuh adalah seperti berikut :

- i. Pemilihan subjek dan latar belakangnya
- ii. Tempat kajian
- iii. Instrumen kajian
- iv. Prosedur kajian
- v. Pemeriksaan data

#### **3.2 Pemilihan Subjek dan Latar Belakangnya**

Populasi subjek yang terlibat dalam kajian ini ialah pelajar-pelajar Melayu yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar di sekolah rendah Cina selama empat, lima dan enam tahun.

Terdapat 125 orang subjek menyertai kajian ini pada mulanya. Setelah diberi ujian, apa yang didapati ialah terdapat segolongan pelajar-pelajar yang tidak boleh menulis langsung dalam bahasa Cina

dan ada juga menulis karangan yang terlalu pendek. Keadaan ini amat menyukarkan pengkaji dalam menjalankan analisis data. Justeru , setelah dikecualikan subjek yang tersebut di atas, jumlah subjek yang sebenar terlibat dalam kajian ini ialah 60 orang. Subjek-subjek ini pula adalah daripada darjah empat, lima dan enam. Pemilihan subjek secara rawak telah dijalankan oleh pengkaji di ketiga-tiga buah sekolah itu untuk memastikan bilangan subjek pada setiap darjah adalah seimbang. Jumlah subjek mengikut darjah boleh dilihat seperti di Jadual 3.1 :

**Jadual 3.1 : Bilangan Subjek Mengikut Darjah**

Darjah	Bilangan
4	20
5	20
6	20
Jumlah	60

Kriteria asas yang perlu diberi perhatian dalam pemilihan subjek ialah wujudnya ciri-ciri persamaan secara menyeluruh di antara sekolah-sekolah dan pelajar-pelajar yang dikaji. Kriteria ini adalah seperti berikut :

- a) Sekolah-sekolah itu adalah milik kerajaan yang menggunakan sukanan pelajaran seragam dan

menerima arahan seragam daripada Kementerian Pendidikan.

- b) Pelajar-pelajar yang menjadi subjek kajian ini menerima pendidikan secara formal di sekolah dan bahasa Cina dijadikan bahasa pengantar bagi semua mata pelajaran kecuali mata pelajaran Bahasa Inggeris dan mata pelajaran Bahasa Melayu sejak dari peringkat darjah satu.
- c) Mereka adalah berketurunan etnik Melayu yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda. Bahasa seharian yang digunakan di rumah adalah bahasa Melayu.

Ketiga-tiga sekolah itu dipilih kerana terdapat pelajar-pelajar yang memenuhi kriteria-kriteria tersebut.

Untuk menentukan pelajar-pelajar itu memenuhi kriteria asas yang dikehendaki, satu soal selidik tentang latar belakang penggunaan bahasa subjek telah disediakan. Kandungan soal selidik adalah mengenai :

- a) Jantina

- b) Tahun lahir
- c) Bahasa pertama, kedua dan ketiga yang dipelajari dalam pertuturan dan penulisan.
- d) Sebab-sebab yang mendorong mereka memasuki sekolah rendah Cina.
- e) Masalah utama yang dihadapi semasa mempelajari bahasa Cina.
- f) Bahasa yang digunakan dalam surat menyurat, berkomunikasi dengan ahli keluarga, kawan-kawan dan juga peluang mereka menyentuh bahan bacaan, lagu, program televisyen dalam bahasa Cina.
- g) Masa yang diperuntukkan untuk mengulangkaji mata pelajaran bahasa Cina serta kelas tambahan yang dihadiri.

*(sila rujuk lampiran 1)*

### **3.3 Tempat Kajian**

Kawasan yang dipilih ialah di sekitar Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan. Kajian ini telah dijalankan selama 3 hari iaitu pada 25 haribulan, 28 haribulan dan 29 haribulan March 1994. Pelajar yang terlibat ialah pelajar-pelajar Melayu darjah empat, lima dan enam di SRJK (C) Lai Meng, Jalan Ampang, SRJK (C) Khew Bin, Batu Caves dan SRJK (C) Selayang Baru.

Oleh kerana jarak antara ketiga-tiga sekolah itu amat jauh, kajian ini tidak dapat dijalankan serentak. Kajian yang dijalankan di SRJK (C) Lai Meng, Jalan Ampang pada 25hb March 1994, SRJK (C) Khew Bin, Batu Caves pula pada 28hb March 1994 dan SRJK (C) Selayang Baru pada 29hb March 1994.

### **3.4 Instrumen Kajian**

Beberapa jenis instrumen telah digunakan untuk mengumpulkan data-data. Instrumen yang digunakan adalah bertujuan untuk mendapatkan data yang sah dan boleh dipercayai serta menggambarkan keadaan yang sebenar tempat kajian itu dijalankan. Terdapat dua jenis instrumen iaitu ujian menulis karangan dan ujian kertas peperiksaan.

#### **3.4.1 Ujian Menulis Karangan**

Ujian menulis karangan adalah berdasarkan satu karangan yang bertajuk "Satu kejadian yang Tidak Dapat Saya Lupakan" (一 件 难 忘 的 事 'Yíjiàn nánwàng de shì') dalam bahasa cina. Garis panduan yang dikemukakan seperti berikut :

- a) Apa kejadian yang tidak dapat dilupakan : kejadian yang amat menggembirakan atau menyedihkan. (什 么 事 令 你 难 忘 : 最 高 兴 的 或 是 难 过 的 事 , Shénme shì lìng nǐ nánwàng : zuì gāoxìng de huò shì nánguò de shì.)
- b) Proses kejadian itu berlaku. (事 情 发 生 的 经 过 Shìqìng fāshēng de jīngguò .)
- c) Perasaan terhadap kejadian itu : Gembira atau sedih. (这 件 事 带 给 你 的 感 受 -- 快 乐 或 伤 心 'Zhèjiàn shì dài gǎi nǐ de gānshòu -- kuàile huò shāngxīn'.)
- d) Apakah pandangan anda terhadap perkara itu : Berharap mengalami perkara yang sama atau menerima pengajaran yang amat baik. (对 这 件 事 的 感 想 -- 希 望 下 次 再 有 机 会 或 得 到 很 好 的 教 训 与 启 示 'Duì zhèjiàn shì de gǎnxiǎng -- xīwàng xiàcì zài yǒu jīhuì huò dé dào hěn hǎo de jiào xùn yǔ qǐshì')

(sila rujuk lampiran 2)

Masa yang diperuntukkan untuk karangan ialah 45 minit. Mereka mengarang dengan bebas berdasarkan

penerangan yang diberi dalam kertas soalan. Perbendaharaan kata dan ayat-ayat yang digunakan tidak dikawal oleh pengkaji. Tajuk karangan yang diberi adalah berdasarkan sukan pelajaran bahasa Cina untuk KBSR.

Pengkaji memilih ujian menulis karangan kerana tumpuan kajian ini adalah ke atas penulisan bahasa Cina pelajar-pelajar Melayu dan mengenali masalah-masalah umum yang dihadapi oleh mereka. Penelitian khas akan diberi dalam bidang penulisan perkataan , tatabahasa ,perbendaharaan kata dan penjodoh bilangan . Untuk mencapai matlamat kajian ini, pengkaji berpendapat ujian menulis karangan adalah sesuai kerana pada kebiasaannya kesilapan bahasa yang dilakukan dalam karangan adalah lebih mudah diteliti.

#### **3.4.2 Ujian Kertas Peperiksaan**

Ujian kertas peperiksaan yang berbentuk objektif dan penyusunan semula ayat pula bertujuan untuk menguji 4 bidang dalam bahasa Cina iaitu mengenal perkataan,menyusun semula ayat ,pemilihan frasa dan penjodoh bilangan . Keempat-empat ujian ini juga berdasarkan sukan pelajaran KBSR Setiap bahagian

ini diberi 5 soalan sahaja. Masa yang diperuntukkan selama 30 minit sahaja. Ujian ini bertujuan untuk memastikan sejauh manakah pelajar-pelajar dapat menguasai 4 bidang dalam bahasa Cina.

(sila rujuk lampiran 3)

### **3.5 Prosedur Kajian**

- a) Dalam kajian ini , semua pelajar Melayu yang berada di darjah empat, lima dan enam diminta berkumpul dalam satu bilik darjah bagi melicinkan pentadbiran ujian tersebut.
- b) Ujian menulis karangan panduan bergaris (rujuk lampiran 2) yang menyertai tajuk dan garis panduan diedarkan. Mereka diminta menulis nama dan darjah di atas kertas tersebut. Selepas itu, pelajar-pelajar diberi masa 5 minit untuk memerhati dan berfikir sebelum bermula menulis. Pengkaji menggalakkan pelajar-pelajar menulis tidak kurang daripada 120 patah perkataan. Masa untuk menulis karangan ialah 45 minit.
- c) Selepas beberapa minit, soal selidik tentang latar belakang subjek diedarkan. Soal selidik

### **3.6 Pemeriksaan Data**

Proses pemeriksaan data dalam kajian kes ini terbahagi kepada dua bahagian :

#### **3.6.1 Pemeriksaan Bahagian Kartas Ujian Karangan.**

Proses membuat analisis kesilapan bahagian ujian menulis karangan adalah berdasarkan karangan yang dikumpulkan daripada pelajar-pelajar Melayu ketiga-tiga buah sekolah rendah Cina yang tersebut di atas. Cara yang digunakan adalah berlandaskan kepada lima peringkat yang dicadangkan oleh Pit Corder iaitu :

- a) Pengenalan
- b) Pentafsiran
- c) Pembinaan Semula
- d) Pengelasan/Penggolongan
- e) Penjelasan<sup>1</sup>

Kelima-lima peringkat ini akan diuraikan satu per satu untuk memberikan gambaran yang jelas tentang cara analisis kesilapan data dilaksanakan.

---

<sup>1</sup> S.P. Corder "Idiosyncratic Dialects and Error Analysis" dalam J. C. Richards (ed.) *Op. Cit.* hal.166.

Dalam peringkat pengenalan, karangan tersebut diperiksa dengan sepintas lalu, kemudian mengenalpastikan ayat-ayat yang mengandungi kesilapan-kesilapan. Bagi kesilapan-kesilapan yang berlainan, simbol-simbol yang berlainan akan diberikan untuk membezakannya.

Penyelidik cuba membuat tafsiran atau interpretasi yang munasabah tentang kesilapan-kesilapan tersebut. Tujuan membuat pentafsiran ini ialah untuk mengesan maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh pelajar. Bagi ayat-ayat yang mengandungi kesilapan yang nyata, kita dapat merujuk kepada bahasa ibunda pelajar sama ada pelajar itu membuat terjemahan harafiah atau kekurangan pengetahuan tentang tatabahasa bahasa Cina. Bagi ayat-ayat yang mengandungi kesilapan tersembunyi pula, iaitu terdapat ayat-ayat yang purna bentuk (*well form*) tetapi tidak sesuai penggunaannya, penyelidik akan merujuk kepada konteks ayat tersebut.

Setelah pentafsiran dibuat pengkaji cuba membina semula ayat-ayat yang mengandungi kesilapan dalam bahasa sasaran supaya perbandingan dapat dilakukan.

Kesilapan-kesilapan yang terkumpul dibahagi kepada kategori tertentu dan setiap kategori dikira kekerapannya.

Akhirnya penjelasan akan diberi untuk mengesan sebab-sebab berlakunya kesilapan dan sejauh manakah pelajar-pelajar tersebut dapat menguasai bahasa Cina itu.

### **3.6.2 Pemeriksaan Bahagian Kertas Peperiksaan**

Data tentang kesilapan-kesilapan bahasa dalam bahagian kertas peperiksaan adalah berdasarkan kepada jawapan yang diberi oleh pelajar-pelajar. Kesilapan-kesilapan itu dikelompokkan mengikut empat bidang yang telah ditentukan iaitu mengenal perkataan, menyusun semula ayat, pemilihan frasa dan penjodoh bilangan . Setiap aspek akan dikira jumlah kesilapan yang dilakukan oleh subjek. Jawapan betul adalah jawapan yang sama dengan jawapan pada panduan yang disediakan oleh pengkaji.